

ULANGTAHUN YANG DIPERTUA NEGERI

Dr. M dahului senarai penerima pingat

PULAU PINANG, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengetual 320 orang yang dikurniakan darjah kebesaran dan pingat sempena Hari Ulangtahun Ke-70 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Awang bin Hassan, 70 esok.

Datuk Seri Dr. Mahathir penerima tunggal Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN), darjah tertinggi negeri ini yang membawa gelaran Datuk.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Abdullah bin Haji Ahmad, dikurniakan Darjah Yang Mulla Pangkuan Negeri (DMPN) yang juga membawa gelaran Datuk.

Lapan orang lagi yang turut menerima DMPN, iaitu Anggota Exco Kerajaan Negeri, Haji Ibrahim bin Abdul Razak, Hakim Mahkamah Tinggi Perak, Datuk Eusoffe Abdulcader, Pengerusi Lembaga Buruh Pelabuhan, Encik Ayob

bin Saud, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar Universiti Sains Malaysia, Prof K.J. Ratnam.

Saudagar beras, Encik Ool Seang Hoe, Pakar Kaji Penyakit Hospital Besar Pulau Pinang, Dr. David Sam. Wille, pengarah syarikat Encik Loh Say Bee dan ahli perniagaan Encik Tan Hoay Eam.

Saudagar

Dua lagi dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang juga membawa gelaran Datuk. Mereka Panglima 1 Divisyen Markas 1 Kuching, Mej. Jen. Abdullah bin Shamsuddin dan bekas diplomat Haji Abu Bakar Pawanchee.

Sebelas orang dikurniakan Darjah Johan Negeri (DJN), lapan Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), 94 Pingat, Jasa

Kebaktian (PJK, 179 orang Pingat Jasa Masyarakat (PJM) dan 16 Pingat Bakti Setia (PBS).

Antara yang dikurniakan DJN ialah Timbalan Naib-Canselor USM, Dr. Amir bin Awang, bekas Pengarah RTM Kawasan Utara, Haji Zainal Alam bin Haji Zainal Abidin dan penasihat jabatan pengarang akhbar The Star, Encik Khor Cheang Kee.

Antara yang dikurniakan PKT ialah Timbalan Pengurus Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang (PDC), Encik Noor Ahmad Mokhtar Haniff.

Antara yang dikurniakan PJK ialah Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tanjung, Encik Fadzil bin Shuib dan Penghulu Kerajaan, Encik Othman bin Said.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia